

03 DEC 2002

TNB-AWANG/I

DR AWANG ADEK AKAN TERUSKAN INISIATIF DATUK JJ DI TNB

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Pengerusi baru Tenaga Nasional Bhd (TNB) Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata beliau akan meneruskan inisiatif dan dasar Datuk Dr Jamaludin Jarjis dalam mengendalikan gergasi utiliti itu.

"Saya sedar akan cabaran dan harapan yang diletakkan ke atas TNB sebagai salah satu syarikat terbesar dari segi permodalan pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Antara tugas utama Pengerusi adalah mengendalikan syarikat ke arah meningkatkan nilai pemegang saham serta memastikan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan orang awam," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan TNB di sini hari ini.

Beliau berkata asas yang diletak oleh Dr Jamaludin akan banyak membantu beliau dalam tanggungjawab baru ini dan beliau akan terus bekerjasama dengan pihak lembaga dan pengurusan TNB yang diketuai oleh Datuk Pian Bin Sukro.

"Saya percaya TNB akan terus dipandu oleh dasar dan amalan seperti tadbir urus korporat yang baik, ketelusan dan hemah yang telah disediakan, serta apa-apa yang akan menambah nilai kepada organisasi, pemegang saham dan pelanggan kami.

"Saya berjanji akan memastikan tahap profesionalisme yang tinggi terus diamalkan di semua peringkat di TNB," katanya.

Dalam kenyataan itu, Dr Awang Adek juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik beliau, berkuat kuasa 1 Dis. 2002 dan memberi kepercayaan kepadanya. -- BERNAMA

MSL SD JR